

13 MAY 2003

PETRONAS-AOGC/I

PERSIDANGAN MINYAK & GAS 2003 DIADAKAN BULAN DEPAN

KUALA LUMPUR, 13 Mei (Bernama) -- Persidangan Minyak dan Gas Asia Tahunan Kelapan (AOGC 2003) akan diadakan di Hotel Mandarin Oriental di sini pada 15-17 Jun, demikian menurut Petroliam Nasional Bhd (Petronas) dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Persidangan yang diuruskan bersama oleh Institut Strategi dan Kepimpinan Asia dan Conference Connection Inc., dijadual akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Persidangan itu bertemakan "Ketidak Pastian Politik dan Ekonomi: Kemunculan Cabaran". Ia akan menumpu kepada cabaran dan hala tuju industri minyak dan gas di tengah-tengah kemudah-ruapan harga minyak mentah dan krisis politik dan ekonomi.

Pengerusi persidangan itu adalah Dr Fereidun Fesharaki dari FACTS Inc dari Amerika Syarikat. Turut serta adalah pengerusi dan ketua pegawai eksekutif TotalFinaElf, Thierry Desmarest.

Antara penceramah lain adalah Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM) Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz, Pengerusi Perbadanan Minyak India M. S. Ramachandran, Naib Pengerusi dan Pengarah Urusan Qatar Liquefied Gas Company Ltd Faisal M Al-Suwaidi, Timbalan Pengarah Urusan Kanan Syarikat Minyak Nasional Iran Mehdi Hoesseini dan Presiden Produk Minyak Shell-Timur Singapura Datuk Sri Lim Haw Kuang.

Para pegawai kanan dari pelbagai organisasi termasuk Tokyo Gas Company Ltd, Majlis Persekitaran Tenaga Korea, SASOL Ltd, Pusat untuk Kajian Strategik dan Antarabangsa (CSIS) dari Indonesia dan Pentadbiran Maklumat Tenaga Amerika Syarikat juga akan membentangkan pandangan MASING-MASING.

Petronas menjangkakan lebih 800 peserta akan menyertai persidangan itu.

Mereka yang berminat mengenai AOGC 2003 boleh menghubungi sekretariatnya dengan telefon 03-23314548 atau 03-23312122, faksimili 03-23311543 atau emel kepada aogcsecretariat@petronas.com.my. -- BERNAMA

FSW KTC JR